

Headline **PIDM mahu tawar pakej kewangan komprehensif**
Date **07 May 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **20**
Article Size **88 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,147**
PRValue **3,440**



PIDM mahu tawar pakej kewangan komprehensif

KUALA LUMPUR 6 Mei – Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) akan menyediakan pakej perlindungan kewangan konsumer yang komprehensif menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jean Pierre Sabourin berkata: “Kami sedang meneliti beberapa perkara sebelum pengumuman dibuat sebelum akhir tahun ini.”

Beliau berkata perkara berkenaan kini di peringkat akhir untuk diberikan pertimbangan khusus.

Sabourin berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pelancaran Laporan Tahunan 2009 PIDM, di sini hari ini.

Beliau menambah, pengenalan langkah baru itu adalah sejajar dengan penamatan

jaminan sepenuhnya oleh kerajaan melalui PIDM sehingga 31 Disember tahun ini.

“PIDM sedia maklum jaminan kerajaan tersebut adalah bersifat sementara. Oleh itu, kini kami berusaha untuk memperkenalkan langkah lain yang komprehensif dan mendidik konsumer tentang perkara tersebut.

“PIDM mempunyai kumpulan sasaran dan akan secara berterusan bertemu mereka dan menjelaskan tentang pelbagai perkara berkaitan isu perlindungan ini,” jelasnya.

Sementara itu, PIDM dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2009 mencatatkan pendapatan sebanyak RM139.4 juta berbanding perbelanjaan operasi sebanyak RM44.9 juta.

Laporan Tahunan 2009 ini, boleh didapati di laman web www.pidm.gov.my.